

Headline	Isnac 2015 cari penyelesaian isu alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Aug 2015	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,655
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,965



Isnac 2015 cari penyelesaian isu alam sekitar

KUALA LUMPUR 20 Ogos - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) buat julung kalinya menganjurkan Kongres Sains dan Alam

Semula Jadi Antarabangsa (Isnac) 2015 pada 21 hingga 23 September ini bagi mencari penyelesaian terhadap isu alam sekitar yang berlaku

di negara ini.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, program itu dianjurkan bersempena sambutan ulang tahun ke-30 FRIM untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan pandangan pakar berhubung isu biodiversiti di negara ini.

“Kita sebenarnya akan kerugian kalau membiarkan biodiversiti negara terus diteroka tanpa dikawal.

“Kita perlu tekan mengenai peranan dan kepentingan semua pihak dalam aspek pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar bagi memastikannya terjamin serta dinikmati sepanjang masa,” katanya dalam sidang akhbar mengumumkan penganjuran Isnac 2015 di sini hari ini.

Program yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu merupakan anjuran

bersama Persatuan Ahli-Ahli Sains Malaysia (MSA), Akademi Sains Ma-

laysia (ASM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) sempena meraikan sambutan ulang tahun masing-masing yang ke-60, 20 dan 75.

Yang hadir sama Pengarah Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Korporat FRIM, Datuk Dr. Marzalina Mansor; Presiden MSA, Tan Sri Dr. Salleh Mohd. Nor; Pengarah Eksekutif MSA, Datuk Dr. Soon Ting Kueh; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Hazami Habib dan Presiden MNS, Henry Goh.

Sementara itu, Ting Kueh yang juga Pengerusi Isnac 2015 berkata, penganjuran program tersebut juga dapat membuka peluang kepada saintis tempatan untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan saintis negara luar.

Katanya, program itu akan mengumpulkan seramai 600 saintis tempatan dan antarabangsa termasuk 52 saintis daripada Jepun yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

“Mereka akan turut serta bagi memberi penekanan terhadap isu alam semula jadi, biodiversiti dan pemuliharaan iklim dalam sesi perbincangan berbentuk forum, syarahan, persidangan serta seminar,” katanya yang juga merupakan felo ASM.